



## مجلس باندرای ملاک برسجاریه

### MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

#### KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod dan **bidang pendaftaran yang berkaitan** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup tender bagi perolehan berikut :

BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT TENDER DITUTUP
<b>MBMB/TP/2023/3</b>  <b>PERKHIDMATAN PERUNDING UTAMA BAGI PROJEK KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN PINTU GERBANG UTAMA BANDARAYA SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI LEBIH AMJ, MELAKA BANDARAYA BERSEJARAH</b>  <b>TARIKH KELULUSAN : 01/06/2023</b>  <b>NO. FAIL JABATAN : MBMB/JK/00672 (P)</b>	<b><u>KEMENTERIAN KEWANGAN</u></b>  330201 – Arkitek  Perunding Utama hendaklah melantik sub perunding sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Arahan Kepada Petender	<b><u>HARGA</u></b>  RM50.00 * Tidak akan dikembalikan  <b><u>TARIKH</u></b> <b>12 Jun 2023 (Isnin)</b> sehingga <b>3 Julai 2023 (Isnin)</b>	TIADA	<b><u>TARIKH</u></b>  <b>3 Julai 2023 (Isnin)</b> pada jam 12.00 tengahari  Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.  -----  Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah tender serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Tender dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya petender membuat salinan pendua daripada dokumen tender yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen tender secara dalam talian dengan harga RM50.00 bermula pada **12 Jun 2023 (Isnin) sehingga 3 Julai 2023 (Isnin)**

Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika tender dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup tender selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,  
**DATUK BANDAR**  
**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PK  
Ketua Audit Dalam